

## Kata Kerja Tak Ergatif dan Kata Kerja Tak Akusatif dalam Dialek Perak Tengah: Analisis Pendekatan Program Minimalis

Nurul Ain Alizuddin\*, Fazal Mohamed Mohamed Sultan dan Siti Noraini Hamzah

*Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

### ABSTRAK

Dialek Perak ialah salah satu variasi dialek bahasa Melayu yang memiliki ciri-ciri tersendiri dalam segi tatabahasa, kosa kata dan intonasi. Dialek ini dikatakan unik kerana penggunaannya hanya terdapat di negeri Perak sahaja. Justeru, kajian ini memfokuskan penggunaan kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif yang digunakan dalam dialek Perak Tengah berpandukan kerangka Program Minimalis. Kajian kualitatif ini dijalankan di Kampung Chopin Kanan yang terletak di kawasan Mukim Belanja di daerah Perak Tengah. Data kajian diperoleh melalui kajian lapangan dengan menggunakan kaedah temu bual terhadap dua orang penutur natif dialek Perak Tengah. Analisis kajian mendapatkan bahawa kata kerja tak transitif dialek ini terdiri daripada kata kerja tak ergatif

yang menandakan argumen luaran, iaitu subjek berperanan sebagai agen dan kata kerja tak akusatif yang menandakan argumen dalaman serta subjek berperanan sebagai tema. Hasil kajian juga mendapat kewujudan kala lepas dan kala kini dalam binaan ayat dialek Perak Tengah. Secara keseluruhan, analisis kajian ini dapat menyumbang kepada penghuraian secara deskriptif dan teoritikal. Dengan itu, kajian ini dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan ilmu sintaksis bahasa Melayu khususnya kata kerja di Malaysia.

### ARTICLE INFO

*Article history:*

Received: 06 June 2024

Accepted: 12 December 2024

Published: 26 June 2025

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.33.3.01>

*E-mail addresses:*

p118135@siswa.ukm.edu.my (Nurul Ain Alizuddin)  
fazal@ukm.edu.my (Fazal Mohamed Mohamed Sultan)  
snoraini@ukm.edu.my (Siti Noraini Hamzah)

\* Corresponding author

*Kata kunci:* Dialek Perak Tengah, kata kerja tak akusatif, kata kerja tak ergatif, kata kerja tak transitif, Program Minimalis

## ***Unergative Verb and Unaccusative Verbs in the Perak Tengah Dialect: Analysis of the Minimalist Program Approach***

### **ABSTRACT**

The Perak Dialect is one of the variations of the Malay language that exhibits distinctive characteristics in terms of grammar, vocabulary, and intonation. This dialect is considered unique as its usage is limited only to the state of Perak. Therefore, this study focuses on the usage of unergative verbs and unaccusative verbs. The objective of this research is to analyse unergative and unaccusative verbs used in the Perak dialect based on the framework of the Minimalist Programme. This qualitative research was conducted in Kampung Chopin Kanan at the Mukim Belanja area of Perak Tengah. Data were obtained through field studies using interview methods with two native speakers of the Perak Tengah dialect. The research found that intransitive verbs in this dialect consist of unergative verbs indicating external arguments, where the subject functions as an agent, and unaccusative verbs indicating internal arguments with the subject functioning as the theme. The research also identified the presence of past and present tenses in the sentence structures of the Perak Tengah dialect. Overall, the analysis of this research contributes to descriptive and theoretical insights. Thus, this research contributes to the development of syntactic knowledge in the Malay language, particularly in verb structures in Malaysia.

Keywords: *Perak Tengah dialect, unaccusative verbs, unergative verbs, intransitive verbs, Minimalist Programme*

---

### **PENGENALAN**

Omar (2015) mendefinisikan dialek sebagai kelainan bahasa yang bukan merupakan bahasa standard. Secara umum, dialek ialah variasi bahasa yang digunakan dalam sesuatu kawasan yang mempunyai kelainan dengan bentuk bahasa baku dari segi sebutan, nahu dan penggunaan kata. Sesuatu kawasan memiliki bentuk bahasa yang unik dari segi bunyi dan kosa kata (Omar, 2015). Walau bagaimanapun, kelainan ini tidak begitu ketara sehingga boleh dinyatakan sebagai satu bahasa yang lain. Sultan et al. (2011) menyatakan bahawa dialek tidak mempengaruhi sesuatu bahasa, tetapi mempunyai perbezaan fonologi. Omar

(2015) menjelaskan terdapat 12 kawasan dialek dalam dialek Melayu di Malaysia. Antaranya ialah dialek Johor-Riau, dialek Kedah, dialek Perak, dialek Kelantan, dialek Terengganu dan pelbagai lagi. Walaupun dialek-dialek ini dinamakan bersempena nama negeri-negeri di Malaysia, namun tidak bermakna sempadan negeri tersebut ialah sempadan dialeknya.

Kajian dialek mengalami perkembangan pesat dan dibahaskan dalam pelbagai bidang kajian dan tidak terhad kepada konsep tradisional sahaja. Hal ini dibuktikan apabila bidang ini mengalami paradigma baru dengan penerbitan buku *Syntactic Structure* (1957) dan *Aspects of the Theory of Syntax*

(1965) yang dipelopori oleh Chomsky. Keadaan ini telah menyebabkan munculnya bidang dialektologi generatif, iaitu penerapan konsep dan penemuan daripada tatabahasa generatif yang menghuraikan serta membuat perbandingan terhadap dialek (Chambers & Trudgill, 1990). Tatabahasa generatif, yang diperkenalkan oleh Chomsky merupakan satu teori yang menekankan bahawa semua bahasa mempunyai struktur asas yang sama, dikenali sebagai tatabahasa sejagat. Teori ini bertujuan menerangkan cara manusia menghasilkan dan memahami bahasa melalui satu set aturan yang terdapat dalam minda mereka. Sehubungan itu, dalam dialektologi generatif, konsep tatabahasa sejagat diterapkan untuk memahami cara dialek-dialek yang berbeza dalam satu bahasa mungkin berbeza tetapi masih berkongsi prinsip asas yang sama.

Halliday (1967) membincangkan mengenai kewujudan dialek dari aspek geografi, iaitu *area-defined*. Menurut Bloomfield (1933), bahasa yang digunakan berbeza kerana kawasan yang berbeza. Hal ini berlaku kerana pengetahuan dan pengalaman yang berbeza berdasarkan lokaliti kawasan tersebut. Keadaan ini juga berlaku di negeri Perak yang merupakan salah satu negeri yang menerima banyak pengaruh dialek tempatan luar dan dialek asing. Menurut Omar (2015), perbezaan dalam suatu dialek dapat dilihat dalam dialek itu sendiri, bukan hanya dengan dialek lain. Terdapat variasi dialek yang berbeza antara satu daerah dengan daerah yang lain (Omar, 2015). Contohnya, kajian Hamzah et al. (2014) yang mendapati terdapat sembilan

varian bagi leksikal [air], iaitu /air/, /ajɔ/, /ajɛ/, /aje, /ajaʃ/, /aj/, /ae/, /ɛ/, dan /a/ di negeri Perak. Dapatkan kajian ini diperkuuh dengan kajian lanjutan daripada Jalaluddin et al. (2016) yang membuktikan wujud pelbagai varian sebutan bagi leksikal kata ganti nama, air dan bantal di negeri yang sama.

## Dialek Perak

Dialek Perak ialah variasi dialek bahasa Melayu yang dituturkan oleh masyarakat di negeri Perak. Dialek ini memiliki ciri-ciri tersendiri dari segi tatabahasa, kosa kata, dan intonasi. Raja Mohd. Dain (1986) dalam Jalaluddin et al. (2016) menyatakan bahawa dialek Perak memperlihatkan gaya yang unik dan berbeza daripada dialek Melayu yang wujud di Malaysia. Ini kerana penggunaan dialek ini terhad di negeri Perak dan berbeza dengan kebanyakan negeri lain di Semenanjung yang merupakan salah satu subkawasan dialek sahaja. Pernyataan ini disokong oleh Omar (2015) yang menyatakan bahawa dialek Perak digunakan dalam kawasan negeri tersebut sahaja. Selain itu, negeri Perak tidak menyebarluaskan dialek ini ke negeri sekitarnya, namun menyerap dialek luar masuk ke dalam negeri tersebut. Hal ini dibuktikan dengan penggunaan dialek Kedah, dan Patani serta bahasa Jawa, Banjar, Minang dan Rawa yang dapat ditemui di beberapa tempat di Perak. Pada waktu yang sama, dialek Perak dianggap unik dan menarik kerana penggunaan dialek Perak di negeri Kedah, Seberang Perai dan Selangor tidak ditemui (Jalaluddin et al., 2016). Keunikan yang

terdapat dalam dialek Perak mendorong kajian ini dilakukan. Justeru, kajian ini menghuraikan kata kerja tak transitif dalam dialek Perak menggunakan pendekatan Program Minimalis. Objektif utama kajian ini adalah untuk membezakan kata kerja tak ergatif dan kata kerja tak akusatif yang digunakan dalam dialek Perak berpandukan teori Program Minimalis.

### Definisi Kata Kerja

Dalam pembentukan frasa kerja dalam sesuatu ayat, kata kerja (KK) menjadi unsur penting kerana merupakan inti dalam konstituen predikat yang digunakan untuk menunjukkan sesuatu keadaan yang dilakukan dan menunjukkan perbuatan. Antara contoh KK seperti *menulis, berlari, berfikir* dan *tidur*. Hassan et al. (2006) menyatakan bahawa kata kerja dalam bahasa Melayu digunakan bagi menunjukkan perbuatan ataupun sesuatu keadaan yang dilakukan sesuatu. Kata kerja dapat dikategorikan kepada dua, iaitu KK aktif transitif dan KK aktif tak transitif (Karim et al., 2015). Menurut Omar (2022), kata kerja dapat dibahagikan kepada kata kerja ekatransitif dan dwitransitif. Kata kerja ekatransitif ialah KK yang mempunyai satu objek sahaja, sama ada objek kata, frasa ataupun klausa, manakala KK dwitransitif ialah kata kerja yang mempunyai dua objek. Karim et al. (2015) mendefinisikan frasa kerja sebagai struktur yang terdiri daripada satu perkataan ataupun lebih dan KK sebagai inti. Dalam binaan ayat, KK wujud secara bersendirian ataupun dengan kehadiran unsur lain dalam membentuk frasa kerja.

Kebanyakan ahli linguistik bahasa Melayu mengkategorikan KK dari aspek sintaksis kepada dua, iaitu KK transitif dan KK tak transitif (Hassan et al., 2006; Karim et al., 2015; Omar, 2022). Kata kerja itu terbentuk daripada KK transitif ataupun KK tak transitif (Karim et al., 2015). Kata kerja tak transitif dibahagikan kepada KK tak transitif berpelengkap dan KK tak transitif tak berpelengkap, manakala KK transitif dapat dikategorikan kepada KK transitif dalam ayat aktif dan KK transitif dalam ayat pasif (Karim et al., 2015). Kata kerja transitif merujuk kepada KK yang melibatkan objek yang berbentuk frasa nama untuk menjelaskan maksudnya, sementara KK tak transitif ialah jenis KK yang tidak memerlukan penerima ataupun objek setelahnya.

Seperti yang telah dibincangkan, dalam bahasa Melayu KK terdiri daripada KK transitif dan KK tak transitif. Namun begitu, pembahagian KK berdasarkan sifat semantik juga dapat dilakukan. Justeru, tatabahasa generatif memperincikan lagi KK mengikut bilangan peranan teta yang ditandakan oleh argumen pada KK tersebut (Chomsky, 1981). Perincian ini difokuskan berdasarkan bilangan peranan teta, ciri kasus dan jenis argumen dalam struktur peristiwa (*event structure*) yang ada pada kata kerja (Jubilado & Razak, 2018). Peranan teta atau peranan tematik merujuk kepada hubungan semantik antara kata kerja dengan argumennya sama ada argumen luaran dan argumen dalaman (Chomsky, 1981). Chomsky (1981) menetapkan bahawa setiap argumen, iaitu frasa nama (FN) pada peringkat Struktur-D

perlu mempunyai satu peranan teta dan setiap satu peranan teta diberikan kepada hanya satu argumen. Prinsip Kriteria Teta ini melibatkan penentuan peranan sesuatu kata nama (KN) pada struktur-D oleh kata kerja yang dikenali sebagai peranan teta. Peranan ini membantu menentukan hubungan antara argumen-argumen kata kerja (subjek dan objek) dengan tindakan ataupun keadaan yang dijelaskan oleh kata kerja tersebut.

Selain itu, Perlmutter (1978) dalam penulisan beliau telah memperincikan tentang hipotesis tak akusatif (*unaccusative hypothesis*). Beliau membincangkan perbezaan antara KK tak akusatif dengan KK tak ergatif berdasarkan posisi sintaksis argumen tunggalnya. Kedua-dua KK ini mempunyai perbezaan berdasarkan maklumat tematik, iaitu peranan KK tersebut. Dalam hal ini, setiap argumen mesti mempunyai satu peranan teta seperti agen, tema, pengalami, penderita, benefaktif dan lain-lain (Chomsky, 1981). Peranan makna ini ditandai oleh kata nama melalui KK. Fungsi utama kata nama adalah sebagai argumen ataupun kepala argumen (Sultan, 2015). Dalam sintaksis generatif, KK tak transitif didefinisikan sebagai kumpulan KK yang memiliki argumen dalaman yang berperanan sebagai objek kepada kata kerjanya tetapi tidak ada subjek, sementara KK tak ergatif ialah kumpulan KK yang memiliki argumen luaran yang berfungsi sebagai subjek kepada kata kerjanya tetapi tidak ada objek (Levin & Rappaport, 1995). Kata kerja tak transitif dapat diklasifikasikan kepada dua, iaitu KK tak akusatif dan KK tak ergatif. Kedua-dua kata kerja ini

tidak memerlukan kehadiran objek untuk menjadikan ayat sempurna dan gramatis (Burzio, 1981, 1986).

Dari segi hubungan argumen dengan peranan teta atau tematik, KK tak transitif memiliki satu argumen sahaja, iaitu argumen dalaman (*internal argument*) ataupun argumen luaran (*external argument*) dan dikenali sebagai predikat satu tempat. Perbezaan antara KK tak ergatif dengan KK tak akusatif ini dapat dikenal pasti berdasarkan peranan KK dan melalui subjek yang wujud dalam binaan frasa. Berdasarkan kajian Sultan dan Alimi (2014) terhadap bahasa Mendriq, Jubilado dan Razak (2018) serta Soh dan Nomoto (2011) terhadap bahasa Melayu, jelas menunjukkan terdapat perbezaan antara KK tak akusatif dengan KK tak ergatif. Situasi yang sama juga berlaku dalam dialek Perak Tengah.

## SOROTAN LITERATUR

Sorotan kajian ini membincangkan kajian lepas yang berfokus kepada kajian dialek Perak dan kajian kata kerja (KK), dan kajian dialek yang mengaplikasikan teori Program Minimalis dalam menganalisis data. Berdasarkan sorotan kajian terhadap dialek Perak, kebanyakan kajian terkini tertumpu kepada bidang geolinguistik yang mengaplikasi perisian *Geographical Information System* (GIS). Antaranya ialah kajian Jalaluddin et al. (2016), Hamzah et al. (2017), Jalaluddin (2018) dan Hamzah dan Jalaluddin (2018). Kajian-kajian ini memaparkan pola variasi dialek Perak yang terdapat di negeri itu. Ia dianggap penting kerana telah mencetuskan satu dimensi

baharu dalam kajian berkaitan dialek Perak. Walau bagaimanapun, tiada perbincangan mengenai aspek sintaksis yang melibatkan KK dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas. Seterusnya, Che Rosdi dan Aman (2020) mengkaji aspek fonetik dialek Perak di Gerik dan Pengkalan Hulu, manakala Hamid et al. (2021) mengkaji dialek Kuala Kangsar menggunakan pendekatan fonetik akustik. Che Rosdi dan Aman (2020) memfokuskan vokal, konsonan dan diftong bagi varian Hulu Perak Utara (HPU) dengan menggunakan pendekatan struktural, manakala Hamid et al. (2021) membincangkan perbezaan akustik dalam bunyi plosif bilabial, plosif alveolar dan plosif velar tidak bersuara dan bersuara dalam dialek Perak dengan menggunakan pendekatan Fonetik Akustik. Kedua-dua kajian ini membincangkan aspek fonetik dan tidak menyentuh aspek sintaksis dalam kajian mereka. Justeru, jelas memperlihatkan bahawa masih belum ada lagi kajian dialek Perak dalam bidang sintaksis berkenaan kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif dijalankan oleh mana-mana pengkaji.

Antara kajian awal yang dijalankan ialah Hipotesis Perlmutter (1978) yang membincangkan dua hipotesis, iaitu *hypothesis unaccusative* (kata kerja tak akusatif) dan *hypothesis unergative* (kata kerja tak ergatif). Berdasarkan hipotesis ini, kedua-dua KK dapat berdiri sendiri tanpa kehadiran objek. Antara contoh KK tak akusatif ialah *tiba*, *datang* dan *masuk*, manakala contoh KK tak ergatif ialah *melompat*, *menari* dan *senyum*. Menurut Perlmutter, kedua-dua kata kerja

ini dikaitkan dengan struktur sintaksis yang berbeza dan ini dapat dibezakan melalui kedudukan sintaksis argumen tunggalnya.

Selanjutnya, Burzio (1981) dalam kajiannya mengutarakan mengenai KK tak akusatif dan KK tak ergatif. Kajian beliau bertujuan mengenal pasti kedua-dua KK ini dalam bahasa Itali. Burzio mengaplikasikan teori *Extended Standard Theory (EST)* terhadap data korpus bahasa Itali bagi menjelaskan analisis beliau. Dapatkan kajian menunjukkan contoh KK tak akusatif ialah '*Giovanni has arrived*' (Giovanni sudah sampai), manakala KK tak ergatif yang ditunjukkan oleh Burzio ialah '*Giovanni has telephoned*' (Giovanni sudah telefon). Selain itu, Burzio (1981) membincangkan mengenai ujian diagnostik bahasa Itali yang bertujuan membezakan KK tak akusatif dengan tak ergatif. Hasil kajian mendapati KK yang mempunyai *klitik-ne* merupakan KK tak akusatif, manakala yang tidak mempunyai *klitik -ne (of them and of it)* merupakan KK tak ergatif.

Levin dan Rappaport (1995) pula dalam kajian mereka membincangkan ujian diagnostik bagi mengenal pasti KK tak akusatif dan KK tak ergatif dalam bahasa Inggeris. Bagi mencapai objektif kajian, mereka menggunakan data korpus bagi menjalankan beberapa ujian diagnostik yang bersesuaian untuk mengenal pasti KK tak akusatif dan KK tak ergatif. Antaranya ialah ujian *resultative* (penghasilan) yang bermaksud sesuatu KK berlaku perubahan keadaan. Levin dan Rappaport menjelaskan bahawa ujian diagnostik *resultative* (penghasilan) yang lulus dalam ujian ini

merupakan KK tak akusatif. Sebaliknya, KK tak ergatif tidak wujud dengan ujian penghasilan ini kerana perubahan KK yang terdapat dalam kata tersebut bukan disebabkan kata tersebut. Justeru, Levin dan Rappaport menyifatkan ujian diagnostik *resultative* (penghasilan) merupakan ujian yang sesuai digunakan dalam bahasa Inggeris.

Sementara itu, perbincangan mengenai KK tak akusatif dan KK tak ergatif diteruskan oleh Soh dan Nomoto (2011). Kajian tersebut bertujuan menganalisis fungsi dan makna imbuhan awalan *meN-* dan mengkaji struktur luaran KK tak ergatif dan struktur dalaman KK tak akusatif. Menurut kajian mereka, dalam argumen tunggal KK tak akusatif wujud pada permulaan dan pengakhiran ayat, manakala argumen tunggal KK tak ergatif hadir pada permulaan ayat sahaja. Hasil kajian mendapati KK tak ergatif tidak boleh dipasangkan sama ada KK tersebut mempunyai imbuhan ataupun tidak mempunyai imbuhan awalan *meN-*. Secara keseluruhan, hasil kajian Soh dan Nomoto membuktikan bahawa KK tak ergatif menerima imbuhan *meN-*, manakala KK tak akusatif tidak menerima imbuhan *meN-*. Selain itu, Soh dan Nomoto (2011) mendapati imbuhan awalan *meN-* dapat dikaitkan dengan penyebab luaran yang dikenali sebagai KK tak akusatif dan penyebab dalaman yang terdiri daripada KK tak ergatif.

Seterusnya, Jubilado dan Razak (2018) mengulas mengenai lapisan frasa kerja dalam bahasa Melayu yang memfokuskan predikat tak akusatif, akusatif dan dwitransitif. Jenis predikat ini dikaji berdasarkan struktur

argumen atau tematik bagi predikat dan implikasinya kepada struktur klausa. Perbincangan mereka menghuraikan mengenai pergerakan frasa nama, khususnya penyemakan kasus, penandaan teta dan kesemua proses sintaksis yang terlibat. Dari segi hubungan argumen dengan peranan teta atau tematik, KK tak transitif hanya memiliki satu argumen sahaja, iaitu sama ada argumen dalaman ataupun argumen luaran dan dikenali sebagai predikat satu tempat. Sebaliknya, bagi memenuhi peranan teta, KK transitif memerlukan kedua-dua argumen dan dikenali sebagai predikat dua tempat. Kata kerja tak ergatif memerlukan argumen luaran, manakala KK tak akusatif memerlukan argumen dalaman sebagai peranan teta pada permukaan subjek. Penandaan peranan teta dalam binaan ayat sangat penting kerana kehadiran frasa nama tanpa peranan teta dalam ayat menyebabkan ayat tersebut menjadi tidak gramatis.

Selain itu, kajian dialek Negeri Sembilan (DNS) yang lebih sistematik telah dilakukan oleh Othman dan Sultan (2019). Kajian ini membincangkan struktur pembinaan frasa kerja dengan meneliti proses-proses yang terlibat dalam pembinaan frasa kerja tersebut. Hasil analisis deskriptif yang dijalankan terhadap DNS menunjukkan kata kerja *boli* “beli”, *buek* “buat”, *berhijghah* “berhijrah” dan *jago* “jaga’ sebagai KK transitif yang memerlukan objek dalam binaan ayat frasa kerja transitif (FKT) DNS. Kehadiran objek seperti *soghai* “serai”, *lomang* “lemang”, *ko Banteng* “ke Banting” dan *diri* sebagai pelengkap ayat agar binaan ayat yang dibina gramatis dan

mempunyai makna. Seterusnya hasil kajian membuktikan bahawa struktur binaan frasa kerja dalam DNS sama seperti struktur frasa kerja bahasa Melayu standard, iaitu S-K-O dan wujud penanda masa dalam DNS, iaitu KK kala kini. Hal ini kerana kedua-dua dialek merupakan variasi bahasa Melayu yang berasal daripada keluarga Austronesia (Sultan & Othman, 2021).

Kajian berkaitan KK dalam variasi bahasa diperkuuh dengan penulisan Sultan dan Azman (2020) yang memfokuskan kajian mereka terhadap bahasa Jawa Ngoko dengan menerapkan teori Program Minimalis (PM). Hasil kajian memperlihatkan bahawa struktur binaan frasa kerja dalam bahasa ini terdiri daripada tiga elemen utama, iaitu subjek, kata kerja dan objek. Bertitik tolak daripada kajian ini, pengkaji mengkategorikan frasa kerja dalam bahasa Jawa Ngoko kepada tiga jenis, iaitu frasa kerja transitif, frasa kerja tak transitif dan frasa kerja dwitransitif. Dalam analisis ini juga turut menjelaskan bahawa KK menjadi asas dalam pembinaan KK dan memerlukan dua argumen, iaitu argumen dalaman dan argumen luaran untuk menandakan peranan teta. Kajian lalu ini berjaya membuktikan binaan ayat bahasa Jawa Ngoko mempunyai kata *default*, iaitu kala kini.

Perkembangan penyelidikan bidang KK seterusnya dilihat dalam kajian Sultan dan Saidi (2021) yang meneliti jenis KK bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut di Sabah dengan menggunakan teori Program Minimalis. Secara keseluruhan, terdapat tiga jenis KK dalam bahasa Bajau, iaitu kata kerja transitif (KKT), kata kerja tak transitif (KKTT) dan

kata kerja dwitransitif. Bagi binaan KKT, hasil kajian menunjukkan bahawa struktur ayat dalam bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut ialah KERJAAN-OBJEK-SUBJEK (KOS). Binaan ayat ini berbeza dengan binaan ayat bahasa Melayu standard yang dibina berdasarkan SUBJEK-KERJAAN-OBJEK (SKO). Seterusnya, dapatan kajian juga membuktikan bahawa KKTT hanya mempunyai subjek yang dikenali sebagai argumen luaran. KK tak ergatif menandakan argumen luaran yang subjeknya berperanan sebagai agen atau pengalami. Keadaan ini berbeza dengan KK tak akusatif yang subjek berfungsi sebagai tema, penderita, alatan dan sebagainya. Antara contoh KK tak ergatif ialah *belagu* dan *mahayang*, manakala KK tak akusatif ialah *labuh* dan *akiyum*.

Ringkasnya, pengkaji-pengkaji lepas telah membincangkan dan mengkategorikan KK tak akusatif dan KK tak ergatif. Walau bagaimanapun, kajian berkaitan KK tak transitif, iaitu KK tak akusatif dan KK tak ergatif belum dikupas sepenuhnya dan perlu diberi perhatian. Selain itu, kajian terkini dari aspek sintaksis dalam dialek Perak juga belum dilakukan. Hal ini dibuktikan menerusi sorotan literatur yang telah dilakukan. Justeru, artikel ini membahaskan mengenai KK tak ergatif dan KK tak akusatif dalam dialek Perak sebagai tujuan penambahbaikan kajian KK tak transitif.

## METODOLOGI

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan melibatkan kerja lapangan yang memerlukan penyelidik turun ke lokasi

kajian untuk mengamati dan mencatat tingkah laku dalam situasi sebenar (Lebar, 2018). Dalam kajian ini, data diperoleh melalui sumber primer melibatkan dua pihak, iaitu penutur dialek dan pengkaji. Data kajian yang berkaitan kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergati yang diperoleh semasa kajian lapangan dimuatkan pada bahagian lampiran data. Pengkaji berperanan menyediakan dan merancang segala aspek temu bual, termasuk membina soalan-soalan yang relevan dan memastikan bahawa soalan tersebut sesuai dengan objektif kajian, selain bertanggungjawab mengenal pasti dan memilih informan yang tepat untuk ditemu bual. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah lapangan yang dijalankan ialah kaedah temu bual yang bertujuan mengumpul sebanyak mungkin data dan maklumat secara langsung yang melibatkan kehadiran informan dan penyelidik. Melalui temu bual, pengkaji dapat berinteraksi secara langsung dan membina hubungan yang baik dengan informan kajian untuk memastikan informan selesa dan bersedia memberikan maklumat yang diperlukan. Ini memerlukan kemahiran komunikasi yang baik, termasuk keupayaan mendengar dengan aktif, bertanya soalan yang tepat, dan menunjukkan sikap yang neutral dan tidak berat sebelah.

Seterusnya, kajian ini mengaplikasikan kaedah temu bual tidak berstruktur, iaitu temu bual dilakukan tanpa struktur yang tetap, dan soalan tidak diatur ataupun disediakan sebelumnya (Creswell, 2018). Dalam sesi temu bual yang tidak berstruktur, penemu bual akan membuat

dan mengubah suai soalan seterusnya mengikut respons subjek dan objektif kajian secara spontan (Chua, 2014). Antara kaedah yang digunakan dalam sesi temu bual ini ialah kaedah bercerita. Informan diminta bercerita mengenai asal usul kampung, kegiatan ekonomi, aktiviti harian dan aktiviti masyarakat setempat seperti gotong-royong dan majlis perkahwinan. Langkah ini bertujuan mendapatkan sebanyak mungkin penggunaan kata kerja tak transitif daripada informan.

Seterusnya, pengkaji memilih untuk menjalankan proses temu bual di persekitaran rumah informan yang dikenali sebagai '*in home interview*'. Bryman (2008) mengesyorkan sebagai suatu langkah yang praktikal, penyelidik perlu memilih suatu tempat yang sunyi agar kualiti rakaman tidak terganggu. Bunyi bising bukan sahaja mengganggu proses temu bual antara kedua-dua belah pihak, tetapi yang lebih penting ialah rakaman yang dibuat tidak dapat didengari dengan jelas (Creswell, 2018). Proses temu bual ini dilakukan pada hujung minggu dan waktu petang kerana pada waktu ini kebiasaanannya informan telah selesai melakukan pekerjaan harian. Proses temu bual ini mengambil masa antara 50 hingga 60 minit bagi setiap informan.

Selain itu juga, pengkaji menggunakan beberapa keping gambar yang memperlihatkan kegiatan harian, perbuatan dan situasi persekitaran yang bertujuan merangsang informan berkomunikasi menggunakan dialek Perak Tengah bagi mendapatkan data yang berkualiti. Langkah seterusnya, setiap perbualan akan dirakam menggunakan

perakam suara digital. Temu bual ini direkod dengan menggunakan alat perakam suara digital Sony ICD-PX470 bertujuan mengelakkan pengkaji terlupa ataupun terhilang sebarang maklumat. Sebelum proses temu bual dijalankan, pengkaji telah memaklumkan kepada informan terlebih dahulu bagi mendapatkan persetujuan dan meyakinkan informan bahawa maklumat yang diperoleh hanya digunakan dalam penyelidikan ini sahaja.

Seterusnya, proses transkripsi dilakukan dengan memindahkan data dalam bentuk audio dan catatan lapangan ke dalam bentuk teks bertaip. Data yang diperoleh dipindahkan secara digital ke dalam komputer terlebih dahulu sebelum proses transkripsi dilakukan. Kemudian, data yang telah direkod melalui proses pendengaran semula bagi tujuan transkripsi. Setelah ditranskripsi, data yang mengandungi kata kerja tak akusatif dan kata kerja tak ergatif dalam dialek Perak dikeluarkan dan diasingkan serta data yang telah dibersihkan dimasukkan ke dalam paparan *Microsoft Office Excel*. Bagi tujuan analisis data, teori Program Minimalis digunakan bagi menjawab objektif dalam kajian ini.

## Pensampelan

Perkara penting yang perlu dititikberatkan dalam membentuk sampel ialah sampel yang dipilih hendaklah mampu mewakili populasi, iaitu golongan ataupun kawasan yang dikaji. Kerangka persampelan dibentuk berdasarkan jantina populasi, umur, kelas ataupun taraf sosioekonomi, jenis pekerjaan atau sektor pembangunan. Pembentukan

kerangka persampelan berdasarkan tiga kriteria asas, iaitu kelengkapan, ketepatan dan terkini (Tuner, 2003). Bagi kaedah temu bual, sampel kajian dipilih menggunakan kaedah *purposive sampling* atau pensampelan bertujuan, iaitu informan yang ditemu bual telah ditentukan berdasarkan kriteria tertentu. Jenis pensampelan ini merupakan jenis pensampelan yang sesuai dalam pendekatan kualitatif, seperti saranan Creswell (2018). Menurut Creswell (1998, 2018), pensampelan bertujuan dalam kaedah kuantitatif dilakukan untuk menyusun dan memperluas penerokaan yang mendalam terhadap suatu fenomena yang dikaji dalam kalangan populasi secara keseluruhan.

Dalam kajian ini, informan dipilih mengikut klasifikasi informan oleh Chambers dan Trudgill (1990), iaitu *non-mobile, old, rural dan males (NORMs)*. Chambers dan Trudgill (1990) memperkenalkan konsep *NORMs*, yang merujuk kepada individu yang tidak berpindah-randah, berumur, tinggal di kawasan luar bandar, dan lelaki. Individu dalam kategori ini sering dianggap sebagai penjaga dialek tempatan yang paling asli, kerana mereka kurang terdedah kepada pengaruh luar yang mengubah cara pertuturan mereka. Dalam kajian ini, dua orang informan lelaki telah dijadikan sampel kajian. Pemilihan informan lelaki (*males*) yang dikatakan lebih baik daripada informan wanita. Ini kerana jantina dapat mempengaruhi jawapan yang diberikan oleh infoman (Chamers & Trudgill, 1990). Selain itu, dalam kajian kualitatif saiz sampel sebanyak satu ataupun dua subjek boleh digunakan sebagai sampel

bagi demografi yang sama (Creswell, 2018). Informan yang dipilih merupakan penutur natif, berumur 50 tahun hingga 75 tahun yang berpengalaman dan merupakan penduduk setempat yang tidak pernah berhijrah ke bandar ataupun meninggalkan kampung halaman dalam tempoh yang lama. Selain itu, bahasa yang dituturnannya asli berbanding dengan golongan atau generasi muda. Dalam kajian ini, generasi muda tidak dipilih kerana kerancakan interaksi dan komunikasi yang berlaku dalam aspek sosial menyebabkan generasi muda terpengaruh dengan penggunaan bahasa pasar dan slanga dalam pertuturan harian. Selain itu, sifat keterbukaan golongan muda yang menerima baik pengaruh bahasa Melayu standard, peralihan kod dan terdedah dengan peminjaman kosa kata bahasa asing menjadikan mereka tidak sesuai menjadi informan kajian ini.

Pendekatan ini juga kerap digunakan dalam kajian-kajian bahasa ataupun dialek seperti kajian Sultan dan Ramli (2015). Chambers dan Trudgill (1990) beranggapan informan yang dipilih berdasarkan *NORMs* mempunyai maklumat bahasa ataupun dialek yang masih asli, tiada gangguan dan pencampuran bahasa dengan bahasa yang lain di luar kawasan mereka serta mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Seterusnya, sebanyak 20 binaan ayat kata kerja tak transitif telah diperoleh hasil daripada temu duga yang dijalankan. Kemudian, ayat-ayat ini dikategorikan kepada dua jenis, iaitu 10 binaan ayat bagi KK tak akusatif dan 10 binaan ayat

bagi KK tak ergatif. Bagi tujuan analisis secara deskriptif lima binaan ayat telah dipilih bagi setiap kategori, manakala satu binaan ayat dipilih bagi setiap jenis KK tak transitif untuk penganalisaan data secara teoretikal. Dalam kajian ini, data yang dipilih untuk dianalisis terdiri daripada leksikal KK tak akusatif dan leksikal KK tak ergatif dalam dialek Perak Tengah. Dalam analisis sintaksis, Program Minimalis telah digunakan bagi penganalisaan data kajian.

### **Lokasi Kajian**

Lokasi kajian yang dipilih ialah negeri Perak. Umumnya, daerah Perak Tengah merangkumi 12 buah mukim, namun kajian ini dijalankan di Mukim Belanja, iaitu Kampung Chopin Kanan. Rasional pemilihan kawasan kampung ini sebagai lokasi kajian berdasarkan kepada beberapa faktor, iaitu:

1. Kawasan kampung yang dipilih terletak di kawasan luar bandar, menjadikan kawasan ini bebas daripada pembangunan dan pemodenan yang pesat sehingga menyebabkan kerencaman dialek.
2. Majoriti penduduk beragama Islam, berbangsa Melayu dan penutur natif dialek Perak Tengah.
3. Peratusan tinggi untuk mendapatkan informan yang tidak berpendidikan tinggi, tidak berjawatan tinggi dan tidak terpengaruh dengan media sosial seperti media massa.
4. Penempatan perkampungan yang telah wujud sekian lama. Potensi tinggi untuk mendapatkan informan


berumur 50 tahun ke atas yang masih bertutur menggunakan dialek Perak Tengah, tidak pernah berhijrah ke bandar ataupun meninggalkan kampung halaman dalam tempoh yang lama.

### Teori Kajian

Program Minimalis (PM) diasaskan oleh Chomsky (1995) ialah satu lagi tahap perkembangan dalam teori Transformasi Generatif. PM merupakan teori linguistik yang mengandaikan bahawa setiap bahasa perlu dijelaskan berdasarkan peraturan-peraturan minimum yang diperlukan. Teori ini bersifat teoretikal dan deskriptif (Radford, 1997). Chomsky (1995) menganggap PM sebagai satu model tatabahasa yang berlaku secara universal, yang wujud pada manusia sejak lahir dalam fakulti bahasa mereka. Chomsky memperincikan fakulti bahasa terdiri daripada empat aras utama, iaitu leksikon, numerasi, cetusan dan aras antaramuka bentuk logik dan bentuk fonetik.

Berpandukan Rajah 1, aras pertama dalam fakulti bahasa dikenali sebagai leksikon atau daftar leksikal (*leksikal array*). Semua kumpulan item leksikal yang tidak tersusun dalam sesuatu bahasa dikatakan disimpan di sini. Leksikon merupakan repositori yang mengandungi maklumat setiap perkataan dalam sesuatu bahasa. Setiap formatif ini mengandungi maklumat fonologi, sintaksis dan semantik. Sistem fitur untuk maklumat bunyi direka bentuk melalui ciri semantik, sementara maklumat sintaksis direpresentasikan melalui fitur sintaksis. Terdapat dua jenis fitur, iaitu fitur berinterpretasi dan fitur tidak berinterpretasi.

Selain itu, numerasi berperanan sebagai enjin utama dalam menghasilkan derivasi sintaksis bagi sesuatu ayat. Proses turunan ayat tersebut dapat diperlihatkan melalui gambar rajah pohon. Chomsky (2001) menyatakan bahawa operasi utama dalam sistem ini ialah Cantum (*merge*), iaitu cantuman luaran dan cantuman dalaman (Chomsky, 2001). Dalam membina struktur frasa, operasi asas yang memainkan peranan



Rajah 1. Kerangka program minimalis (Sumber: Chomsky, 1995)

ialah cantuman luaran. Ia melibatkan penyatuan dua objek sintaksis bagi membentuk unjuran sintaksis yang baharu. Sebaliknya, cantuman dalaman ialah tindakan menggabungkan satu bahagian dalam satu unit tatabahasa dengan bahagian lain dalam struktur frasa yang sama. Ia melibatkan operasi tatabahasa yang menyalin satu objek sintaksis dan menyatukannya dengan unsur lain yang dikenali sebagai Gerak (*move*). Dalam konteks ini, Gerak merujuk kepada unsur atau komponen yang bergerak atau dipindahkan melalui proses cantuman dalaman tersebut.

Seterusnya, dalam PM terdapat juga proses yang dikenali sebagai Proses Penyemakan Fitur yang berfungsi menyemak semua fitur berinterpretasi ini. Namun begitu, pergerakan dianggap tidak ekonomis kerana Gerak (*move*) tidak berfungsi dengan cepat. Cantuman dalaman ini dikawal oleh Syarat Penyelesaian Terakhir yang menyebabkan pergerakan hanya untuk menyemak fitur tak berinterpretasi. Gerak (*move*) pula meninggalkan tanda yang dikenali sebagai Bekas dan ditandai dengan sesiku <>. Proses ini ditunjukkan dalam Rajah 2 dan 3 dalam analisis secara sintaksis. Bekas merupakan kategori kosong yang digerakkan disebabkan oleh pergerakan ke mana-mana posisi yang melibatkan pergerakan konstituen. Lazimnya, situasi ini berlaku apabila adanya sesuatu fitur yang kuat untuk disemak dan memerlukan satu pergerakan bagi memenuhi keperluan tersebut (Chomsky, 1995).

Selanjutnya, Cetusan (*spell-out*) merupakan suatu prosedur dalam sistem

komputasi yang bertugas memisahkan ataupun menghantar hasil derivasi ke dalam dua bahagian antara muka yang berasingan. Secara umumnya, tahap antara muka terdiri daripada Bentuk Logik (BL) dan Bentuk Fonetik (BF; Radford, 1997). Sistem cetusan melaksanakan tindakan dalam leksikon, dan hasil struktur sintaksis yang terbentuk akan dihantar ke komponen antara muka untuk difahami atau diinterpretasi. Operasi cetusan adalah penting kerana ciri-ciri yang dapat diinterpretasi secara fonetik akan diinterpretasikan pada BF, sementara ciri-ciri yang dapat diinterpretasi secara semantik akan diinterpretasikan pada BL. Oleh itu, setiap hasil derivasi, sama ada melalui proses cantuman luaran ataupun dalaman, akan dihantar kepada BL dan BF supaya setiap ciri diberikan interpretasi yang sepadan dengan komponen masing-masing, selaras dengan Prinsip Interpretasi Penuh (*full interpretation principle*). Jika terdapat salah satu ekspresi di BL ataupun BF tidak memenuhi Prinsip Interpretasi Penuh, maka keseluruhan derivasi tersebut dikatakan ‘crash’ atau gagal dan ditandai sebagai tidak gramatis (\*).

Seterusnya, operasi sintaksis dapat diklasifikasikan kepada dua, iaitu Operasi Sintaksis Nyata yang berlaku sebelum Cetusan dan Operasi Sintaksis Terselindung yang berlaku selepas Cetusan. Kedua-dua operasi ini melibatkan pergerakan, iaitu pergerakan nyata yang berlaku dalam Sintaksis Nyata, sementara pergerakan terselindung berlaku dalam Sintaksis Terselindung (Chomsky, 1995). Jika semua derivasi mampu mengarahkan

ciri-ciri khusus yang diinterpretasikan ke tingkat antara muka dengan tepat dan dapat memeriksa semua ciri yang tidak diinterpretasikan sepenuhnya, maka derivasi tersebut dianggap sebagai Bergabung. Sebaliknya, jika fitur tidak diinterpretasikan dan tidak diperiksa sebelum cetusan, maka derivasi dianggap Terhempas. Untuk menghindari perkara ini, derivasi dikawal oleh Prinsip Interpretasi Penuh (PIP) yang berfungsi pada BL untuk menjamin bahawa semua ciri pada tahap antara muka tidak mempunyai ciri yang tidak diinterpretasi.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dalam bahasa Melayu, terdapat dua jenis KK tak transitif, iaitu KK tak ergatif dan KK tak akusatif. Dalam penulisan ini, KK tak ergatif dan KK tak akusatif dalam dialek Perak Tengah dibincangkan.

### Analisis Deskriptif Kata Kerja Tak Ergatif Dialek Perak Tengah

Kata kerja tak ergatif ialah KK yang mempunyai subjek ayat yang terdiri daripada kata nama yang berperanan sebagai agen dan menandakan argumen luaran. Perbincangan secara deskriptif ditunjukkan dalam Ayat 1 hingga Ayat 2 seperti yang berikut:

1. *Opah terserombab dalam jamban.*  
Neneh terserombab dalam jamban  
'Neneh tersungkur di dalam bilik air'.
2. *Deme berenang di Sungai Perak.*  
Mereka berenang di Sungai Perak  
'Mereka berenang di Sungai Perak'.

3. *Opah sengih anaknya balik.*  
Neneh sengih anaknya balik  
'Neneh tersenyum kerana anaknya pulang'.
4. *Teman naik basikai motong getah.*  
Teman naik basikal motong getah  
'Saya berbasikal menoreh getah'.

Berdasarkan Ayat 1 dan 2, kata ganti nama diri (KGND) hadir pada subjek ayat yang terdiri daripada frasa nama (FN) berfungsi sebagai agen atau pelaku bagi KK. Dalam Ayat 1, KN *opah* ialah pelaku kepada perbuatan *terserombab* dan kata nama (KN) *deme* dalam Ayat 2 merupakan pelaku bagi kata kerja *berenang*. Dalam Ayat 3, KN *opah* ialah pelaku kepada perbuatan *sengih* dan KN *teman* merupakan pelaku bagi KK *naik basikai* dalam Ayat 4.

Hasil kajian mendapati KGND yang menjadi subjek ayat bertindak sebagai agen untuk perbuatan KK yang tidak memerlukan objek. Justeru, KK dalam Ayat 1 dan 2 dapat dikategorikan kepada KK tak transitif kerana tidak diikuti oleh objek. Namun begitu, dalam Ayat 1 dapat dilihat kehadiran adjung, iaitu *dalam jamban* dalam Ayat 1, *di Sungai Perak* dalam Ayat 2, *anaknya balik* dalam Ayat 3 dan *motong getah* dalam Ayat 4 yang berfungsi memberikan keterangan pada ayat tersebut. Walau bagaimanapun, kehadiran frasa preposisi ini dapat digugurkan kerana berfungsi hanya sebagai keterangan yang bertujuan memberikan maklumat tambahan.

## Analisis Deskriptif Kata Kerja Tak Akusatif Dialek Perak Tengah

Kata kerja (KK) tak akusatif ialah KK yang subjek kata nama berfungsi sebagai tema, penderita, alatan dan sebagainya. Kata kerja jenis ini memerlukan argumen dalaman sebagai peranan teta pada permukaan subjek. Perbincangan secara deskriptif menggunakan data dalam Ayat 3 hingga 4 adalah seperti yang berikut:

5. *Botnya hanyut ke kulu.*  
Botnya hanyut ke hulu  
'Bot dia hanyut ke hulu'.
6. *Apak mengroloh di branda.*  
Ayah tidur di beranda  
'Ayah tidur di beranda'.
7. *Buah doyan luruh malam tadi.*  
Buah durian luruh malam tadi  
'Buah durian gugur malam tadi'.
8. *Atap romah Pak Mail udah tebuk.*  
Atap rumah Pak Mail sudah  
tebuk  
'Bumbung rumah Pak Mail sudah  
bocor'.

Ayat 5 terdiri daripada tiga unsur, iaitu *bot dia* sebagai frasa nama (FN, *hanyut* sebagai KK dan *ke kulu* sebagai adjung. Ayat 6 mengandungi unsur *apak* sebagai KN, *mengroloh* sebagai KK dan *di branda* sebagai adjung. Dalam Ayat 7 *buah doyan* ialah FN, *luruh* ialah KK dan *malam tadi* berfungsi sebagai adjung. Selain itu, dalam Ayat 8 *atap romah Pak Mail* berfungsi sebagai FN dan *sudah tebuk* berfungsi sebagai KK.


KK dalam Ayat 5 hingga 8 merupakan KK tak transitif kerana tidak diikuti dengan objek atau pelengkap. Namun begitu, dalam Ayat 5 hingga 7, frasa preposisi *ke hulu*, *di branda* dan *malam tadi* merupakan adjung yang berfungsi sebagai maklumat tambahan dan tidak berasimilasi dengan KK *hanyut* dan *mengroloh*. Jika frasa tersebut digugurkan, ayat tersebut masih dianggap gramatis seperti ayat *bot dia hanyut* dan *apak mengroloh*. Oleh sebab subjek ayat berfungsi sebagai tema, maka KK tak transitif *hanyut* dalam Ayat 5 dan *mengroloh* dalam Ayat 6 ialah KK tak akusatif yang menandakan peranan teta sebagai tema dalam ayat tersebut.

## Analisis Sintaksis Kata Kerja Tak Ergatif

Kata kerja (KK) dalam dialek Perak Tengah dikategorikan kepada dua, iaitu KK tak akusatif dan KK tak ergatif. KK tak ergatif hanya menerima satu argumen luaran dengan menandakan subjek sebagai peranan agen. Argumen KK ini dikenali sebagai argumen luaran. Hal ini dibuktikan dengan ayat berikut:

9. *Opah terserombab dalam jamban.*  
Neneh terserombab dalam jamban  
'Neneh tersungkur di dalam bilik  
air'.

Rajah 2 menunjukkan proses pembentukan struktur KK tak transitif. Terdapat beberapa langkah dalam proses pembentukan ini. Langkah pertama, kata (K) merupakan kepala nodus kepada KK *serombab*. KK *serombab* membawa fitur



Rajah 2. Pembentukan struktur ayat kata kerja tak ergatif

tak berinterpretasi [uN] yang belum disemak dan dihapuskan. Apabila KK *serombab* bergabung dengan frasa determiner (FD) *opah*, FD *opah* mendapat fitur [N] dan menyebabkan fitur berinterpretasi [uN] pada K dapat disemak dan seterusnya dipadamkan. Unjuran K *serombab* telah membawa fitur teta agen yang belum disemak dan dihapuskan peranan tetanya. Peranan teta agen diprojeksikan ke FD *opah* dan membolehkan ia menerima peranan teta agen. Dengan itu, peranan teta agen dapat disemak dan dihapuskan pada unjuran K. Seterusnya, bagi membentuk unjuran cantuman frasa preposisi (FPrep) *dalam jamban*, frasa ini diletakkan pada bahagian kanan kerana kedudukan frasa ini berada pada akhir ayat. Dalam Rajah 2, frasa *dalam jamban* merupakan FPrep yang berfungsi sebagai adjung yang memberikan

huraian tambahan dan berperanan sebagai penerang ayat. Frasa *dalam jamban* ini akan bercantum membentuk struktur gabungan FK dengan KK *serombab*.

Langkah kedua, FK akan bergabung dengan k (kecil) bagi membentuk k' (tanda). Pada peringkat ini, nodus k' (kecil tanda) akan dipecahkan kepada dua nodus, iaitu nodus k (kecil) yang bergabung dengan K. Dalam unjuran ini, terdapat satu imbuhan, iaitu *ter-* yang terhasil daripada leksikal *serombab*. Pergerakan leksikal *serombab* bergabung dengan prefiks *ter-* dan KK *serombab* diletakkan di bawah K. Unjuran k (kecil) yang membawa imbuhan *ter-* mempunyai fitur [Aku]. Namun begitu, fitur [Aku] telah memberi peranannya kepada FD *opah*. Dengan itu, FD *opah* telah menerima peranan [Aku]. Seterusnya, imbuhan *ter-* juga membawa fitur tak berinterpretasi

[uN]\* dan fitur [uKala:] yang belum disemak dan dihapuskan. Seterusnya, bagi fitur EPP (*extended projection principle*) [uN]\* pada k (kecil) diperkolatkan ke atas pada bahagian k' (tanda). Setelah diperkolatkan ke atas, fitur tak berinterpretasi [uN]\* di bawah unjuran k perlu dipadam pada rajah pohon. Unjuran k' (kecil tanda) mendapat fitur tak berinterpretasi [uN]\* dan perlu bergabung dengan fitur [N] bagi membentuk elemen subjek. Elemen subjek yang terdapat dalam ayat ini ialah *opah*. Setelah FD *opah* mendapat fitur [N], maka fitur tak berinterpretasi [uN]\* pada k' (kecil tanda) dapat disemak dan dihapuskan.

Langkah ketiga, bagi membentuk unjuran baharu, k' (kecil tanda) perlu bergabung dengan Fk (kecil) untuk menghasilkan unjuran KALA' (tanda). Hal ini membolehkan [uKala:] disemak. Bagi menyemak fitur ini, proses keserasian digunakan, iaitu proses menyemak fitur dengan memberi nilai (Zawawi et al., 2022). Pada bahagian bawah unjuran KALA, fitur yang dihasilkan ialah fitur [kala: lepas]. Fitur ini dikategorikan sebagai [kala: lepas] kerana ayat ini jelas memperlihatkan perbuatan yang sudah berlaku. Unjuran KALA juga mendapat fitur [NOM] pada bahagian subjek bagi membentuk FKALA.

Seterusnya, langkah terakhir ialah proses pembentukan unjuran FKALA. Pada bahagian ini, FD *opah* diproyeksikan ke posisi *specifier* kiri FKALA yang berperanan sebagai subjek. Fitur FD *opah* juga telah membawa fitur [NOM]. Proses penyemakan ini telah berjaya membentuk unjuran FKALA. Berdasarkan rajah pohon

pada Rajah 2, jelas memperlihatkan bahawa ayat *opah terserombab dalam jamban* merupakan ayat yang mengandungi KK tak ergatif kerana subjek berfungsi sebagai agen. Selain itu, terdapat juga kewujudan [kala: lepas] dalam binaan ayat dialek Perak Tengah. Secara tidak langsung penemuan ini telah berjaya menolak dakwaan bahawa bahasa Melayu standard tidak mempunyai kala. Hasil kajian ini menyamai dapatan kajian Zawawi et al. (2022, 2023) yang menunjukkan kewujudan KK kala kini tanpa kehadiran penanda yang menunjukkan masa. Ringkasnya, ayat *opah terserombab dalam jamban* yang diteliti dalam struktur Cangkerang Fk hanya memerlukan satu argumen luaran bagi mematuhi syarat pemadaman fitur tak berinterpretasi [uN]\* pada aras numerasi pembentukan frasa.


### **Analisis Sintaksis Kata Kerja Tak Akusatif**

Kata kerja (KK) tak transitif hanya menandakan satu argumen, sama ada argumen dalaman ataupun luaran yang dapat dikenali berdasarkan subjek yang hadir dalam frasa. KK tak akusatif merupakan KK yang subjek kata nama (KN) berperanan sebagai tema, penderita, alatan dan sebagainya. KK jenis ini memerlukan argumen dalaman sebagai peranan teta pada permukaan subjek. Perbincangan secara deskriptif akan menggunakan data dalam Ayat 6 seperti yang berikut:

#### *10. Apak mengroloh di branda.*

Ayah tidur di beranda

‘Ayah tidur di beranda’.



Rajah 3. Pembentukan struktur ayat kata kerja tak akusatif

Representasi sintaksis dalam Rajah 3 memperlihatkan proses pembentukan struktur KK tak transitif. Langkah pertama dimulakan dengan pembentukan kata (K) yang merupakan kepala nodus bagi KK *mengroloh*. Kata kerja *mengroloh* memiliki fitur tak berinterpretasi [uN] yang perlu disemak dan dihapuskan berdasarkan Prinsip Penyemakan Fitur. Gabungan KK *mengroloh* dengan frasa determiner (FD) *apak* mengakibatkan FD *apak* mendapat fitur [N] dan menyebabkan fitur tak berinterpretasi [uN] yang wujud pada K disemak dan dipadamkan. Selain itu, unjuran K *mengroloh* membawa fitur teta tema yang belum disemak dan dihapuskan peranan tetanya. Oleh itu, peranan teta tema digerakkan ke FD *apak* dan membolehkan FD *apak* menerima peranan teta tema. Pergerakan ini menyebabkan peranan teta

tema dapat disemak dan dipadamkan. Seterusnya, dalam proses pembentukan frasa preposisi (FPrep), frasa *di branda* diletakkan pada bahagian kanan pada rajah pohon disebabkan kedudukan frasa ini berada di akhir ayat. Dalam ayat ini, FPrep *di branda* yang mengikuti kata kerja *mengroloh* tidak berfungsi sebagai objek tetapi berfungsi sebagai maklumat tambahan yang dikenali sebagai adjung. Analisis pada bahagian ini diteruskan dengan gabungan struktur cantuman FK dengan KK *mengroloh* yang membentuk adjung. Gabungan ini telah membentuk satu proses unjuran antara K *mengroloh* dengan FK yang memperlihatkan binaan ayat yang mempunyai adjung.

Langkah kedua, binaan struktur FK yang terhasil akan bercantum dengan k (kecil) bagi membentuk k' (tanda). Seterusnya,

nodus k' (kecil tanda) dibahagikan menjadi dua nodus, iaitu nodus k (kecil) yang bergabung dengan K. Pada nodus k, tidak terdapat sebarang imbuhan prefiks dan diberi tanda ø tetapi masih membawa fitur tak berinterpretasi [uN]\* dan fitur [uKala:] yang belum disemak dan dihapuskan. Pergerakan berlaku antara K *mengroloh* ke posisi K yang terdapat pada nodus k'. Pergerakan ini telah membawa fitur [K] di bawahnya dan secara tidak langsung menyebabkan nodus k (kecil) yang membawa fitur akusatif memberi peranannya kepada FD *apak*. Hal ini membolehkan fitur akusatif pada k disemak dan dihapuskan.

Langkah ketiga, bagi unjuran sintaksis, nodus k' (kecil tanda) perlu bergabung dengan Fk (kecil) untuk menghasilkan unjuran KALA' (tanda) seperti yang terdapat dalam rajah pohon. Hal ini membolehkan [uKala:] disemak. Pada bahagian bawah unjuran KALA, fitur yang dihasilkan ialah fitur [kala: kini] kerana ayat *apak mengroloh di branda* jelas memperlihatkan perbuatan yang sedang berlaku. Unjuran KALA juga mendapat fitur [NOM] pada bahagian subjek bagi membentuk FKALA.

Selanjutnya, langkah terakhir ialah proses pembentukan unjuran FKALA. Pada peringkat ini, FD *apak* digerakkan ke posisi *specifier* kiri FKALA yang berperanan sebagai subjek dalam ayat ini. Maka, fitur FD *apak* juga telah membawa fitur kasus nominatif [NOM]. Secara keseluruhan, Rajah 3 memperlihatkan bahawa ayat *apak mengroloh di branda* merupakan ayat yang mengandungi KK tak akusatif yang subjeknya berfungsi sebagai tema. Hasil

kajian juga mendapati kewujudan [kala: kini] dalam binaan ayat dialek Perak Tengah dan sekali gus membuktikan bahawa dialek Melayu mempunyai kala. Aspek kala dalam bahasa Melayu berbeza dengan bahasa Belanda kerana kala atau waktu sesuatu pekerjaan yang dilakukan dalam bahasa Melayu sering kali tidak dinyatakan kerana pendengar dapat menentukan waktunya berdasarkan hubungan dan konteks sesuatu ujaran (Harun & Yusof, 2013). Hasil kajian ini menyamai dapatan kajian Othman dan Sultan (2019) terhadap dialek Negeri Sembilan yang menunjukkan kewujudan KK kala kini tanpa kehadiran penanda yang menunjukkan masa. Hal ini disokong oleh Abd Rahman dan Sultan (2018) yang menunjukkan KK dalam dialek Perlis memiliki fitur kala kini.

Justeru, ayat *apak mengroloh di branda* memerlukan satu argumen sahaja, iaitu argumen dalaman. Proses pembentukan struktur ayat KK tak akusatif telah selesai dijalankan pada peringkat ini.

## KESIMPULAN

Analisis data dalam kajian ini melibatkan analisis deskriptif dan analisis teoritikal bagi menghuraikan konstituen frasa kerja dialek Perak Tengah. Perbincangan mengenai kata kerja (KK) tak transitif yang terdapat dalam dialek Perak Tengah mendapati terdapat dua jenis KK tak transitif, iaitu KK tak akusatif dan KK tak ergatif. KK tak ergatif memiliki argumen luaran yang berperanan sebagai agen, manakala KK tak akusatif memiliki argumen dalaman yang berperanan sebagai tema dalam ayat. Hasil analisis sintaksis

memperlihatkan bahawa binaan ayat dialek Melayu Perak Tengah mempunyai kala, iaitu kala kini dan kala lepas pada struktur dan rajah pohon. Penemuan ini merupakan satu dapatan baharu dalam dialek Perak Tengah dan menunjukkan perbezaan dalam analisis kajian lepas yang mendakwa bahawa bahasa Melayu dikatakan tidak mempunyai kala. Dalam bahasa Melayu, penanda kala seperti yang terdapat dalam bahasa Inggeris seperti *-ed* untuk menunjukkan kala lampau atau *-ing* untuk menunjukkan kala kini tidak wujud dalam bentuk morfologi kata. Dalam bahasa Inggeris, penanda seperti ini ditambah pada KK untuk menunjukkan masa secara eksplisit. Namun, dalam bahasa Melayu, penanda masa ataupun aspek tidak dimasukkan secara morfologi dalam KK itu sendiri. Sebaliknya, bahasa Melayu menggunakan kata bantu aspek seperti sudah, sedang, dan akan untuk menyampaikan makna masa. Secara keseluruhan, kajian ini jelas memperlihatkan bahawa teori Program Minimalis mampu menghuraikan KK tak transitif yang hadir dalam dialek Perak Tengah dengan baik.

### **Implikasi**

Kajian ini mengemukakan penjelasan teoritis tentang aspek sintaksis dengan berfokus kepada kata kerja (KK) tak akusatif dan KK tak ergatif dalam bahasa Melayu. Melalui kajian ini banyak maklumat bermanfaat diperoleh untuk perkembangan bidang KK tak transitif dalam bahasa Melayu. Justeru, kajian ini sebagai perintis atau titik tolak bagi pengkaji lain untuk melakukan kajian yang lebih mendalam, sekali gus

memperluas ruang lingkup kajian khususnya dalam bidang Program Minimalis.

Selain itu, kajian yang dijalankan ini telah memenuhi keperluan penyelidikan linguistik bahasa Melayu. Kajian ini memperkaya data, sekali gus berupaya menjadi wahana rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang yang ingin mendalami teori Program Minimalis. Keadaan ini seterusnya menyumbang kepada idea-idea baharu dalam usaha mengembangkan dan memperkuuhkan kajian sintaksis agar seimbang dengan kajian bidang bahasa yang lain.

Seterusnya, hasil kajian ini secara tidak langsung menyumbang kepada perkembangan bidang nahu bahasa Melayu khususnya bidang Transformasi Generatif (TG). Hal ini demikian kerana kajian ini merupakan kajian kesinambungan daripada kajian lepas berkaitan KK tak akusatif dan KK tak ergatif dalam bahasa Melayu. Justeru, kajian ini telah menambah baik kajian-kajian lepas yang telah dilakukan dan menghasilkan penemuan baharu berkaitan kata kerja tak transitif.

### **Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian**

Limitasi kajian ini tertumpu kepada dialek Perak Tengah sahaja dan berfokus kepada aspek kata kerja. Data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan teori Program Minimalis. Keadaan ini menjadikan skop kajian ini terhad. Sehubungan itu, penyelidikan ini berpotensi diterokai pada kajian akan datang terhadap dialek-dialek lain bagi menambah baik bidang kajian ini. Antara dialek yang dapat dibahaskan adalah

seperti dialek Perak Utara, dialek Kelantan, dialek Terengganu dan dialek Pahang. Di samping itu, dicadangkan agar bidang kajian dikembangkan dengan menelusuri kajian bahasa minoriti seperti bahasa orang asli seperti Kensiu, Kahak, Lanoh, Jahai dan Bateq. Penelitian ini perlu dijalankan memandangkan kesemua kelompok bahasa Negrito diancam kepupusan. Selain itu, dicadangkan juga perbincangan kata kerja dalam konteks yang lebih luas melibatkan konstruksi ayat kompleks. Analisis ini juga perlu diperluas dengan melibatkan pengaplikasian teori Program Minimalis. Selain itu, perbincangan aspek binaan kata yang lain seperti kata ganti nama, kata adjektif, kata sendi nama serta binaan frasa seperti frasa nama, frasa adjektif dan frasa sendi nama juga dapat dilakukan. Dengan ini, penyelidikan ini lebih menarik dan seterusnya menjadi panduan kepada pengkaji pada masa hadapan.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada informan dan Pusat Kajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah membantu dan memudahkan pelaksanaan penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abd Rahman, N. A., & Sultan, F. M. M. (2018). Kata kerja dalam dialek Perlis: Analisis Program Minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-15.
- Bloomfield, L. (1933). *Language*. Holt Rinehart and Winston.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods* (edisi ke-3). Oxford University Press.
- Burzio, L. (1981). Intransitive verb and Italian Auxiliaries [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Massachusetts Institute of Technology.
- Burzio, L. (1986). *Italian syntax: A government and binding approach*. Reidel. <https://doi.org/10.1007/978-94-009-4522-7>
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1990). *Dialectology*. Cambridge University Press.
- Che Rosdi, N. H., & Aman, R. (2020). Varian Hulu Perak Utara: Fenomena di Gerik dan Pengkalan Hulu. *Jurnal Melayu*, 19(2), 216-242.
- Chomsky, N. (1957). *Syntactic structures*. Mouton De Gruyter. <https://doi.org/10.1515/9783112316009>
- Chomsky, N. (1965). *Aspects of the theory of syntax*. The MIT Press. <https://doi.org/10.21236/AD0616323>
- Chomsky, N. (1981). *Lectures on government and binding*. Foris.
- Chomsky, N. (1995). *Minimalist program*. MIT Press.
- Chomsky, N. (2001). Derivation by phrase. Dlm. M. Kenstowicz (Pnyt.), *Ken Hale: A life in language* (hlm. 1-52). MIT Press.
- Chua, Y. P. (2014). *Kaedah penyelidikan buku 1*. McGraw Hill Education.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five traditions*. Sage Publication.
- Creswell, J. W. (2018). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed method approaches* (edisi ke-5). Sage Publication.
- Halliday, M. A. K. (1967). *Intonation and grammar in British English*. The Hague.
- Hamid, S. A., Ariffin, N. H., & Aman, R. (2021). Dialek Perak varian Kuala Kangsar: Satu pemerian fonetik akustik. *Jurnal Melayu* (Isu khas), 602-634.

- Hamzah, S. N., Jalaluddin, N. H., & Ahmad, Z. (2014). Variasi dialek Melayu di Perak Utara: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 30-46. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/37>
- Hamzah, S. N., Jalaluddin, N. H., & Ahmad, Z. (2017). Migrasi masyarakat luar dan pengaruh dialek di Perak: Analisis geolinguistik. *Jurnal Bahasa*, 17(1), 1-34.
- Harun, K., & Yusof, M. (2013). Aspek kala dalam nahu Melayu abad ke-17: Perspektif orang Belanda. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(2), 135-148.
- Hassan, A., Rohani, S. L. J., Ayob, R., & Osman, Z. (2006). *Sintaksis siri pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu*. PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Jalaluddin, N. H. (2018). Dialek Melayu di Perak: Analisis geolinguistik. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 6(2), 69-82. <https://doi.org/10.17576/jatma-2018-0602-06>
- Jalaluddin, N. H., Mohd. Sanit, N., Ahmad, Z., & Radzi, R. (2016). Variasi kata ganti nama dialek di pesisir Sungai Perak: Analisis Geographical Information System (GIS). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(1), 109-123.
- Jubilado, R., & Razak, R. A. (2018). Lapisan frasa kerja dalam bahasa Melayu. Dlm. R. A Razak & R. Yusoff (Pnyt.), *Teori sintaksis Bahasa Melayu* (hlm. 1-53). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Karim, N. S., Onn, F. M., Musa, H., & Mahmood, A. H. (2015). *Tatabahasa dewan* (edisi ke-3). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lebar, O. (2018). *Penyelidikan kualitatif pengenalan kepada teori dan metod*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Levin, B., & Rappaport H. M. (1995). *Unaccusativity. At the syntax-lexical semantics interface*. MIT Press.
- Omar, A. (2015). *Susur galur bahasa Melayu* (edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar, A. (2022). *Nahu Melayu mutakhir* (edisi ke-5). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman, S. A., & Sultan, F. M. M. (2019). Frasa kerja dalam dialek Negeri Sembilan: Analisis program minimalis. *Jurnal Wacana Sarjana*, 3(1), 1-14.
- Perlmutter, D. (1978). Impersonal passive and the unaccusative hypothesis. *Proceedings of the Annual Meeting of the Berkeley Linguistics Society*, 38, 157-189. <https://doi.org/10.3765/bls.v4i0.2198>
- Radford, A. (1997). *Syntactic theory and the structure of English*. Cambridge University Press.
- Soh, H. L., & Nomoto, H. (2011). The Malay verbal prefix meN- and the unergative/unaccusative distinction. *Journal of East Asian Linguistics*, 20, 77-106. <https://doi.org/10.1007/s10831-010-9069-5>
- Sultan, F. M. M. (2015). *Sintaksis enklitik-nya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sultan, F. M. M., & Alimi, K. F. (2014). Analisis deskriptif terhadap struktur frasa kerja bahasa Mendriq. *Jurnal Bahasa*, 14, 169-191.
- Sultan, F. M. M., & Azman, F. A. (2020). Bahasa Jawa Ngoko dalam kerangka program minimalis. *Pendeta Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(2), 1-17.
- Sultan, F. M. M., & Othman, S. A. B. (2021). Frasa topik dan fokus dalam Bahasa Melayu: Analisis program minimalis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 21(2), 195-214. <http://doi.org/10.17576/gema-2021-2102-10>
- Sultan, F. M. M., & Ramli, M. R. (2015). Kata ganti nama dalam bahasa Mendriq. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 15(3), 67-82.
- Sultan, F. M. M., & Saidi, S. A. S. (2021). Kajian frasa kerja bahasa Bajau Darat dan Bajau Laut

- di Sabah: Analisis program minimalis. *Jurnal Bahasa*, 2(2), 164-192. [https://doi.org/10.37052/jb21\(2\)](https://doi.org/10.37052/jb21(2))
- Sultan, F. M. M., Ahmad, Z., Jalaluddin, N. H., & Radzi, H. (2011). Kata soal bila dalam dialek Kedah Melayu Baling: Satu analisis sintaksis. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(1), 69-80.
- Tuner, A. G. (2003). *Sampling frames and master samples*. Statistics Division of United Nations Secretariat.
- Zawawi, A. S. A. A., Sultan, F. M. M., & Jaludin, A. (2022). Subjek nul pro bahasa Melayu: Suatu penilaian semula berpandukan kerangka minimalis. *Issues in Language Studies*, 11(1), 109-128. <https://doi.org/10.33736/ils.4122.2022>
- Zawawi, A. S. A. A., Sultan, F. M. M., & Jaludin, A. (2023). Analisis ada sebagai kata kerja dwikomplemen: Suatu Pendekatan Minimalis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 23(2), 119-143. <https://doi.org/10.17576/gema-2023-2302-07>

## LAMPIRAN DATA

### Kata Kerja Tak Ergatif

1. *Opah terserombab dalam jamban.*  
Nenek terserombab dalam jamban  
'Nenek tersungkur di dalam bilik air'.
2. *Deme berenang di Sungai Perak.*  
Mereka berenang di Sungai Perak.  
'Mereka berenang di Sungai Perak'.
3. *Dia bekelai kat sekolah.*  
Dia bekelai dekat sekolah.  
'Dia bergaduh di sekolah'.
4. *Orang kampung tungkus lumuih mase kenduri ghitu.*  
Penduduk kampung tungkus lumus masa kenduri itu.  
'Penduduk kampung bergotong-royong semasa majlis kenduri itu.'
5. *Opah sengih tengok anaknya balik.*  
Nenek senyum tengok anaknya pulang.  
'Nenek tersenyum kerana anaknya pulang'.
6. *Teman naik basikal motong getah.*  
Teman naik basikal motong getah.  
Saya berbasikal pergi menoreh getah.
7. *Laki aye dah mati.*  
Suami saya dah mati.  
Suami saya sudah meninggal.
8. *Adik aye masih tak sedokan diri dekat hospital.*  
Adik saya masih tak sedarkan diri dalam hospital.  
'Adik saya masih koma di hospital'.
9. *Deme berkelah dekat ayo tojon.*  
Mereka berkelah dekat ayo tojon.  
'Mereka berkelah di air terjun'.
10. *Deme beborak kat kedai kopi.*  
Mereka berbual di kedai kopi.  
'Mereka berbual di kedai kopi'.

### Kata Kerja Tak Akusatif

1. Botnya hanyut ke kulu.  
Botnya hanyut ke Hulu.  
'Bot dia hanyut ke Hulu'.
2. Apak mengroloh di branda.  
Ayah tidur di beranda.  
'Ayah tidur di beranda'.
3. *Atap romah Pak Mail udah tebuk.*  
Atap rumah Pak Mail sudah tebuk.  
'Bumbung rumah Pak Mail sudah bocor'.
4. *Buah doyan luruh malam tadi.*  
Buah durian luruh malam tadi.  
'Buah durian gugur malam tadi'.
5. *Perahu tu tenggelam.*  
Perahu itu tenggelam.  
'Perahu itu karam'.
6. *Baju budak tu carik.*  
Baju budak itu carik.  
'Baju budak itu terkoyak'.
7. *Banyak ikan timbul atas ayo.*  
Banyak ikan timbul atas air.  
'Banyak ikan timbul di permukaan air'.
8. *Pokok tu tumbang hujan lebat.*  
Pokok itu tumbang hujan lebat.  
'Pokok itu tumbang kerana hujan lebat'.
9. *Beg dia lesap semalam.*  
Beg dia lesap semalam.  
'Beg dia hilang semalam'.
10. *Moto tu jahanam.*  
Motosikal itu jahanam.  
'Motosikal itu rosak'.
11. *Dia mesti datang sarini.*  
Dia mesti datang sari ini.  
'Dia mesti datang hari ini'.